

03/10/2003

Krisis MCA-Gerakan bukan isu DAP

Ridzuan Yop

DAP kalah teruk pada pilihan raya umum 1999. Dua orang kuatnya iaitu Setiausaha Agungnya ketika itu, Lim Kit Siang dan Pengerusi DAP Pulau Pinang, Karpal Singh turut tewas di kubu kuat masing-masing iaitu Parlimen Bukit Bendera dan Jelutong, Pulau Pinang.

DAP percaya di antara sebab orang Cina tidak mengundi parti itu dalam pilihan raya umum lalu kerana mereka bersekongkol dengan Pas yang mahu menubuhkan sebuah negara Islam.

DAP mengumumkan menarik diri daripada pakatan pembangkang pada 22 September 2001 kerana membantah konsep negara Islam yang diperjuangkan Pas. Kini pakatan itu hanya dianggotai Pas, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM).

Apakah benar teori bahawa DAP menganggotai pakatan pembangkang itu menyebabkan orang Cina mengambil keputusan mengundi Barisan Nasional (BN) yang diwakili MCA dan Gerakan?

Seorang pemerhati politik Cina berpendapat andaian DAP itu adalah silap kerana penarikan diri daripada pakatan pembangkang bukan penentu undi orang Cina kembali kepada parti itu dalam pilihan raya umum akan datang.

Bagi orang Cina mereka akan memilih parti yang dapat menjamin kesejahteraan hidup mereka, termasuk keupayaan menyediakan peluang perniagaan dan lebih penting bidang pendidikan untuk mereka.

Dalam dua aspek berkenaan, MCA dan Gerakan sebagai komponen BN dilihat lebih berjaya memikat pengundi Cina kerana berupaya merealisasikan hasrat kaum itu berbanding DAP. MCA dan Gerakan adalah dua parti komponen terbesar dalam BN yang mewakili masyarakat Cina di negara ini.

MCA berjaya melalui Projek Langkawi yang dapat menyalurkan bantuan kewangan kepada pelajar keturunan itu dan membuka kampus serta cawangan Kolej Tunku Abdul Rahman (TAR) dan terbaru penubuhan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR).

Gerakan walaupun dibentuk sebagai sebuah parti untuk pelbagai kaum, ia jelas didominasi kaum Cina sama ada pada peringkat ahli akar umbi, mahupun pada peringkat pimpinan tertingginya.

Persengketaan secara terbuka antara Gerakan dan MCA dilihat boleh menjejaskan parti itu untuk memenangi lebih banyak kerusi dalam pilihan raya akan datang, terutama yang ditandingi di kawasan orang Cina.

DAP sudah pasti akan cuba mengambil kesempatan kali ini, bagi memenangi hati orang Cina untuk mengundimereka selepas kalah teruk dalam pilihan raya umum lalu.

Ketika sokongan orang Melayu kembali kepada Umno, sokongan orang Cina kepada MCA dan Gerakan tidak boleh terjejas bagi memastikan kemenangan majoriti BN dua pertiga dapat terus dipertahankan.

Bagaimanapun, DAP mempunyai pandangan berbeza berkaitan perbalahan secara terbuka antara Gerakan dan MCA kerana menyifatkan ia lebih kepada persengketaan untuk menjaga kepentingan dan pengaruh masing-masing.

"Kita (DAP) tidak melihat krisis Gerakan-MCA sebagai satu peluang untuk kita meraih sokongan daripada orang Cina," kata Timbalan Setiausaha Agung DAP, Chong Eng.

"DAP ada isu sendiri. Kita tidak bergantung kepada masalah orang lain untuk mendapat sokongan daripada kaum Cina dalam pilihan raya akan datang," katanya yang juga Ketua Wanita DAP merangkap Ahli Parlimen Bukit Mertajam.

Bagi DAP, jika mana-mana parti mewakili masyarakat Cina di negara ini

berupaya menjaga kepentingan kaum Cina, mereka mempunyai peluang yang sama untuk mendapat kemenangan dalam pilihan raya.

Chong Eng percaya perbalahan antara MCA-Gerakan hanya kerana mereka mahu memperluaskan pengaruh dan menjaga kepentingan parti masing-masing dan bukan disebabkan perbezaan ideologi yang boleh membawa perpecahan lebih serius.

Krisis antara MCA dan Gerakan dikenal pasti banyak berpunca daripada isu siapa lebih berhak mentadbir kerajaan Pulau Pinang, yang ketika ini, wakil Gerakan menjadi Ketua Menteri.

Beberapa isu yang dibangkitkan sejak beberapa tahun lalu banyak berkisar kepada keupayaan Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon mentadbir Pulau Pinang.

Pulau Pinang satu-satunya negeri yang ditadbir oleh bukan Melayu, selain di Sabah yang jawatan ketua menterinya digilirkan kepada rumpun etnik utama, iaitu Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina.

Semakin meningkatnya rasa tidak puas hati di kalangan penduduk terhadap pentadbiran kerajaan Pulau Pinang, bermakna semakin kurang pengaruh Gerakan di Pulau Pinang yang menjadi kubu kuat parti itu sejak lebih 30 tahun lalu.

Usaha itu dilihat bukan dilakukan oleh DAP, sebaliknya rakan komponen BN, iaitu MCA sendiri yang dikatakan menjadi dalang kepada beberapa projek yang mahu dilaksanakan oleh kerajaan Pulau Pinang.

Gerakan menuduh MCA sebagai dalang dalam isu menentang projek Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR), sehingga menyebabkan penggantungan dua Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) MCA iaitu, Tan Cheng Liang dari Jawi dan Lim Boo Chang (Adun-Datuk Kramat). Tan dan Boo Chang dihukum selepas enggan mengundi menolak usul pembangkang agar projek PORR ditangguhkan.

Pulau Pinang amat penting bagi Gerakan kerana ia menjadi simbol kekuatan parti itu sejak 1969. Tanpa Pulau Pinang, siapalah Gerakan! Oleh itu, kuasa yang ada perlu dipertahan.

Berdasarkan sejarah pentadbiran Pulau Pinang, Ketua Menteri Pulau Pinang pernah disandang tokoh dari MCA iaitu Tan Sri Wong Pau Nee (1957-1969) dan kemudian diserahkan kepada pemimpin Gerakan, Tun Dr Lim Chong Eu dan kini Dr Koh.

Wong adalah Ketua Menteri pertama Pulau Pinang sebaik Tanah Melayu (sekarang Malaysia) mencapai kemerdekaan pada 1957 sehinggalah 1969. Mendiang memenangi kerusi Bukit Mertajam atas tiket MCA ketika pilihan raya 1957 dan kemudian dilantik ketua menteri.

Pada 1969, kerjaya politik beliau berakhir apabila parti lawan dikenali Gerakan, di bawah pimpinan Dr Lim Chong Eu (sekarang Tun) memenangi majoriti kerusi negeri. MCA kehilangan jawatan ketua menteri sudah begitu lama. Sudah tentu ramai ahli dan penyokong MCA mahukan kedudukan itu dikembalikan atau sekurang-kurangnya pemimpin parti itu dapat memainkan peranan penting dalam pentadbiran kerajaan negeri.

Desakan yang kuat itu memaksa Dr Koh memberi jaminan kepada MCA yang mereka akan diberi peluang lebih besar di Pulau Pinang dengan syarat ia tidak akan menjejaskan kepentingan dan kedudukan parti komponen BN lain di negeri itu.

Dr Koh yang juga Naib Presiden Gerakan mengakui pergeseran antara MCA dan Gerakan sudah berlaku sejak lebih 30 tahun lalu dan pihaknya sentiasa berusaha mendapatkan penambahan jawatan kerajaan di negeri itu untuk dikongsi sama.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, pula mahu konsep perkongsian kuasa yang diamalkan BN selama 50 tahun harus dikekalkan dan masing-masing perlu memainkan peranan sendiri untuk mendukung nama baik BN.

"Jika adik diberi tanggungjawab jaga Pulau Pinang, abang jangan kacau.

Mereka harus menjalankan tugas seperti abang termasuk MCA dan Umno. Abang mesti berkelakuan baik supaya adik menghormatinya," katanya.

Parti komponen lain terutama MCA jangan memperkecilkan Gerakan sebagai adik kerana parti itu, dipertanggungjawabkan mentadbir Pulau Pinang sejak 32 tahun lalu.

Ketika yang sama, Timbalan Pengerusi MCA Pulau Pinang, Datuk Koay Kar Huah, mahu Gerakan menghormati MCA sebagai parti komponen BN yang wujud sejak negara mencapai mula kemerdekaan.

Gerakan sebagai parti yang diwakili pelbagai kaum tetapi dibayangi kaum Cina itu, harus mengakui status MCA sebagai parti komponen BN yang mewakili kepentingan kaum Cina yang lebih awal ditubuhkan.

Gerakan hanya mula diterima baik di Pulau Pinang selepas menyertai BN pada 1970, sedangkan sebelum ini parti itu adalah pembangkang utama yang menentang BN (MCA).

"Sebab itu Gerakan perlu menunjukkan rasa hormat dan bersikap adil kepada MCA," kata Koay.

Apapun perkara yang dibimbangkan akan berlaku tindakan mensabotaj antara satu sama lain ketika menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Gerakan dan MCA sewajarnya mengambil nasihat daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN, bahawa BN akan menang besar pada pilihan raya umum akan datang, jika Gerakan dan MCA bekerjasama sepenuhnya.

Ikrar MCA dan Gerakan untuk meningkatkan kerjasama dalam usaha membuka `bab baru hubungan dan kerjasama' antara dua parti komponen yang mewakili masyarakat Cina itu perlu ikhlas dan bukannya menikam dari belakang sehingga merugikan BN keseluruhannya dalam usaha membentuk kerajaan yang kuat.